

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA


TAHUN 7: BIL: 16.

RABU, 15 OGOS, 1962 (15 Rabiul Awal, 1382)

PERCHUMA

SAMBUTAN MAULUD NABI DI-BRUNEI

DYMM NASEHATKAN HARTAWAN, CHERDEKPANDAI



DYMM Sultan Brunei menyampaikan tittel nasehat baginda dalam upacara sambutan Maulud Nabi yang di-adakan di-pekarangan Mesjid OAS pada 13 Ogos.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menasehatkan ra'ayat baginda bahawa nikmat kejayaan dan kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat tidak akan di-perolehi kira-nya kita belum mengetahui akan kewajipan dan tanggongjawab masing2.

Baginda bertitah bahawa orang2 yang ber'ilmu dan cherdek pandai ada-lah bertanggong jawab dengan 'ilmu dan cherdek pandai mereka, dan orang2 yang berharta pula ada-lah bertanggong jawab dengan harta kekayaan mereka.

Nasehat ini telah di-sampaikan baginda tatkala bertitah dalam satu isti'adat sambutan Hari Keputeraan Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., yang telah di-adakan di-pekarangan Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Ithnin, 13 Ogos lepas.

Lebih 1,000 hadhirin yang ter-

Angkat Sumpah Hari Ini

BANDAR BRUNEI. — Sa-bilangan ahli2 baharu bagi Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Muara di-jadualkan akan mengangkat sumpah dalam satu upacara yang akan berlangsung di Dewan Kemasharakatan Brunei hari ini.

Ahli2 itu ada-lah terdiri dari ahli2 yang telah di-lantek dan ahli2 yang di-pileh tanpa bertanding sa-waktu menamakan charun pada 21 Julai lepas.

diri dari segala bangsa lelaki dan perempuan telah bersama2 mendengarkan baginda bertitah.

Terdahulu dari itu, beberapa sharanan2 sambutan maulud Nabi telah juga di-lafadhkan oleh Yang Dipertua Persatuan Kesatuan Islam dan Dato Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Sharahan mengenai sejarah Nabi Muhammad s.a.w. telah juga di-sampaikan oleh Sahibul Fadhilah Mufti Brunei dan di-ikuti oleh terjemahannya dalam bahasa2 Inggeris dan China.

Yang Dipertua Hal Ehwal Ugama, Dato Setia Pengiran Haji Ali berkata bahawa dengan kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. terbukalah satu sejarah baharu bagi ma'anusia dan dunia dan tertutup-lah satu babak sejarah lama.

"Sejarah baharu ini ia-lah iman kapada Allah dan persaudaraan sa-sama ma'anusia; dan babak sejarah lama ia-lah

kesesatan iktikad dan perpechahan atau permusuhan antara ma'anusia", tegas beliau.

Kata Dato Setia, "Nabi Muhammad s.a.w. sentiasa menunjukkan chunton dengan perkataan dan perbuatan kapada sahabat2 dan pengikut2nya.

"Sa-lain dari beriman dan mengerjakan rukun Islam yang lima, tiap2 orang Islam ada-lah di-kendahki menjadi orang yang hidup berkaseh mesra dan bersaudara antara satu dengan lain."

Beliau menegaskan bahawa sebagai orang2 Islam yang patuh kepada Ugama, haruslah tidak akan meninggalkan Ugama di-balik kita, walau apa sa-kali yang kita hadapi dengan mempunyai perselisihan pandangan politik dalam menuju ka-arahan tujuan yang murni.

Duli Yang Maha Mulia telah menerangkan bahawa semua umat Islam di-dunia ini meraikan daripada memuliakan Bulan Rabbi'ul Awal, ia-itulah bulan yang berasal dari lagi mulia. Kira2 14 abad yang silam dalam bulan ini

lah sa-orang pemimpin agong kita Nabi Muhammad s.a.w. telah dilahirkan.

Kata baginda "walau pun isti'adat2 menyambut dan meraikan hari Kelahiran Junjongan kita itu di-lakukan oleh umat Islam di-seluruh dunia ini dengan berbagai2 chara, tetapi pada tujuan dan hakikatnya ada-lah sama.

"Kita bertujuan untuk menunjukkan kegembiraan dan keshukuran kita kapada Allah s.w. yang telah mengutuskan kapada dunia dan ma'anusia seluruhnya sa-orang pejuang dan pemimpin agong yang terbilang.

"Hari kelahiran Junjongan kita yang kita ada-kan pada hari ini ada-lah dengan mengadakan perhimpunan semua bangsa yang mengutus ugama masing2 dengan bebasnya.

"Atas kehadiran mereka itu, kita merasa bangga kerana dengan hal yang demikian, ada-lah sesuai dengan kehendak2 Ugama Islam yang menganggap semua ma'anusia ada-lah bersaudara

(Sambongan Di-Muka 4)

Undang2 Ketenteraman Di-Setujui D.Y.M.M.

Rang Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri tahun 1962, yang telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri dalam bulan yang lalu telah mendapat persetujuan dari Duli Yang Maha Mulia Baginda Maulana Sultan.

Undang2 tersebut telah mulai di-kuatkuasakan dan di-jalankan pada 2 Ogos, 1962.

Undang2 ketenteraman ini telah di-rangka untuk memberi jaminan2 bagi keselamatan dengan sa-chukup-nya, dan juga bagi penjagaan ketenteraman dalam negeri.

Di-bawah undang2 tersebut, pehak polis telah di-berikan kuasa2 untuk menjaga ketenteraman negeri. Polis ada-lah berhak untuk menangkap sebarang orang yang melakukan atau yang

di-shakki melakukan sa-suatu kesalahan.

Undang2 ini ada-lah mengandungi 30 fasil, yang menentukan kesalahan2 dan hukuman.

Untuk mendapatkan butir2 ini undang2 ini yang lanjut, Jahanan Siaran Radio dan Penerangan telah membuka undang2 ini dalam bentuk buku yang kecil.

Orang ramai yang berkehendakkan buku itu boleh-lah datang ka-pejabat tersebut untuk mendapatkan-nya. Tidak ada bayaran yang mungkin di-kenakan.

Peraduan Mengarang Anjoran Persatuan Belia

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan mengarang sekarang sedang di-anjorkan oleh Persatuan Belia Bandar Brunei. Peraduan ini terbuka kepada seluruh negeri ini.

Peraduan itu terbahagi kapada dua peringkat : bahagian orang2 dewasa dan bahagian murid2 sekolah (bukan sekolah dewasa). Karangan2 boleh di-tulis dalam bahasa2 Melayu atau Inggeris dan hendak-lah sampai ka-tangan Setiausaha Agong Persatuan Belia Bandar Brunei di-alamat Jalan Siaran Radio dan Penerangan Brunei, tidak lewat dari 9 September, 1962.

Tajok karangan bagi orang2 dewasa :

- ◆ Peranan belia dalam perkembangan masyarakat (atau "role of youth in the community development").
- ◆ Memajukan masyarakat bererti memajukan negara (atau "progressive community development means national reconstruction").

Panjang karangan ia-lah antara 1,000 hingga 1,500 perkataan.

Tajok karangan bagi murid2 sekolah :

- ◆ Pengalaman saya di-bangku sekolah (atau "my school days' experience")
- ◆ Chita2 saya (atau "my ambition").

Panjang karangan ia-lah antara 500 hingga 750 perkataan.

Karangan2 hendak-lah di-kirim dengan surat berdaftar di-bawah nama dan alamat yang sa-benar dan terang. Boleh di-tulis dengan tangan atau di-tiap dalam huruf2 jawi atau rumi

MALAM UGAMA

KILANAS. — Satu temasha Malam Ugama telah di-adakan di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas pada malam 11 Ogos lepas.

Antara achara2 yang menyeri-kan temasha itu ia-lah peraduan bachaan kitab suci Al-Quran bagi orang2 dewasa dan murid2 sekolah itu dan peraduan shara-han juga bagi murid2 sekolah.

Y. T. M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KEMBALI KA-BRUNEI



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei kelihatan di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un Menteri Besar Brunei pada masa ketibaan dari Malaia bersama2 dengan Putera2 Diraja yang lain untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan di-Tanah Ayer.

Pengumuman Kapada Orang2 Yang Di-Kurniakan Bintang2 Kehormatan

BANDAR BRUNEI.—Orang2 yang telah di-kurniakan Bintang2 Kehormatan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa dan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia boleh-lah membeli bintang2 kecil serupa itu di-Pejabat Adat Istiadat Dalam Istana, di-Pejabat Istana Darul Hana, Brunei.

Bintang2 kecil bagi Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa yang mempunyai empat peringkat itu berharga \$30.

Bintang2 kecil bagi Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat

Bahagia yang juga mempunyai empat peringkat itu berharga \$32.

Sementara itu menurut satu pengumuman Kerajaan yang di-terbitkan baharu2 ini, orang2 yang berhajat hendak inembeli bintang2 kecil itu sila-lah berhubung terus kapada Ketua Pegawai Adat Istiadat Dalam Istana di-sertai dengan wangnya.

Orang2 asing di-luar negeri yang menjunjong kurnia Darjah2 Kehormatan tersebut ada-lah di-kechualikan dari membayar dan mereka boleh-lah mendapat bintang2 kecil tersebut dengan perchuma.

SINAUT. — Persatuan Tunas Harapan Pemudi Kampong Sinaut Tutong, sa-buah persatuan kebajikan telah di-tubohkan oleh pemuda pemudi di-sini dan telah di-luluskan pendaftaran-nya pada 10 July yang lalu.

Tujuan atau dasar persatuan itu, antara-nya ia-lah :

◆ Mengeratkan tali persahabatan pemuda pemudi dan penduduk2 di-sekitar Kampong Sinaut;

◆ Berusaha menggalakkan dan meninggikan pelajaran, sosial, sukan dan kebudayaan kapada ahli2-nya;

◆ Memberi sumbangan umum dengan chara gotong royong; dan

◆ Bersedia dan akan bekerja sama dengan persatuan2 yang sama tujuan-nya.

Ahli2 Jawatankuasa Tadbir, Persatuan ini bagi tahun 1962 ia-lah :

Yang Dipertua — Inche Md. Salleh bin Hidup.

Naib Yang Dipertua — Inche' Ahim bin Ibrahim.

Setia Usaha Kehormat — Inche' Johar bin Abd. Rashid.

Naib Setia Usaha Kehormat — Inche' Abd. Wahab bin Nayan. Bendahari Kehormat — Inche' Abu bin Salam.

Naib Bendahari Kehormat — Sulaiman bin Tahituddin.

Ketua Sosial dan Kebajikan — Inche' Yahya bin Md. Said.

Ketua Pelajaran — Inche' Arshad bin Md. Said.

Ketua Sukan — Inche' Bin-chut bin Karim.

Ketua Kesenian dan Kebudayaan — Inche' Abang bin Md. Salleh.

Pembantu Umum I — Inche' Pulut bin Jumat.

Pembantu Umum II — Inche' Md. Yasin bin Burut.

Balek Dari Denmark

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Inche H.M. Salleh dan Pegawai Siaran Radio dan Penerangan Daerah Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah kembali ka-Brunei sa-lepas menghadiri Persidangan Belia, di-Aarhus, Denmark.

Persidangan tersebut telah di-adakan dari 11 Julai hingga 24 Julai. Tetapi persidangan bagi semua ketua2 rombongan negeri2 ahli telah di-teruskan hingga 27 Julai kerana merundungkan ran-changan2 dan mengadakan semi-nar2 dan perjumpaan2 belia dalam tempoh dua tahun yang akan datang.

Wakil2 yang lain-nya telah di-beri peluang untuk mengadakan lawatan2 ka-negeri2 Eropah.

Inche Salleh telah melawat ka-Amsterdam, London dan Brussel, sa-bulun kembali ka-tanah ayer.



40 buah Sekolah Melayu di-Negeri Brunei telah mengadakan sambutan Hari Ibu Bapa dengan serantak baharu2 ini. Ini-lah satu pemandangan sambutan itu yang telah-adakan di-padang Sekolah2 Melayu S.M.J.A. dan R.I.F. di-Bandar Brunei.

UPACHARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI2 MAJLIS DAERAH BELAIT



Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan lain2nya kelihatan dalam gambar ini pada masa di-adakan upachara mengangkat sumpah Ahli2 Baharu Majlis Meshuarat Daerah Belait pada 9 Ogos 1962.

7 Orang Di-Pileh, 3 Orang Di-Lantek

KUALA BELAIT. — Seramai 10 orang ahli2 baharu Majlis Meshuarat Daerah Belait telah mengangkat sumpah dalam satu upachara yang telah di-adakan di-Bilek Persidangan Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait pada hari Khamis 9 Ogos 1962.

Beliau2 itu ada-lah mengandungi 7 orang ahli2 yang di-pileh dengan tidak payah bertanding dalam pilihan raya Majlis Meshuarat Daerah Belait baharu2 ini dan 3 orang ahli2 yang dilantek.

Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Belait yang di-pileh itu ia-lah Tuan Haji Hanafi bin Mohamed Daud, Inche Lamzi bin Idris, Inche Ibrahim Ghani, Pengiran Apong bin Pengiran Jamaluddin, Awang Ismail bin Ali Asgar, Inche Mohamed Salleh bin Ibrahim dan Inche Mohamed Deli bin Metassin.

Ahli2 yang di-lantek pula ia-

lah Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim (sa-bagai Pengurus, Majlis Meshuarat Daerah Belait), Pengiran Jadiid bin Pengiran Nasaruddin dan Inche Taha bin Abdul Rahman.

WANG KERTAS YANG BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Wang kertas baharu yang berharga satu ringgit (\$1.00) harus akan menunjukkan sa-dikit perbezaan apabila di-teliti dengan halus. Ini ada-lah di-sebabkan pertukaran penchitaknya dari Waterlow and Sons Limited (London) kapada penchitaknya baharu Thomas De La Rue Company Limited.

Pengerusi Lembaga Pesuroh-jaya2 Mata Wang bagi Malaya dan Borneo, Inche Tan Siew Sin, dalam kenyataan-nya telah menerangkan bahawa wang kertas satu ringgit baharu yang berta-rikh pada 1 June, 1959 itu telah pun di-peredarkan mulai 12 Ogos yang lalu dengan nama penche-taknya baharu.

Penchitakan wang tersebut ada-lah perlu di-buat kerana penge-luaran simpanan wang itu telah berkurban.

Untuk menghindarkan sa-ba-rang kekeliruan kerana nama penchitak baharu itu, Inche Tan menegaskan, bahawa nilai, bentuk dan rupa wang itu ada-lah sama, dan harus ada sa-dikit perbezaan apabila di-teliti dengan halus.

Majlis Menyampaikan Hadiah2 Bulan Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Satu upachara menyampaikan hadiah2 sijil kapada pemenang2 dalam peraduan2 akhir Bulan Bahasa Kebangsaaan Negeri Brunei dan kapada ahli2 jawatan-kuasa2 Bulan Bahasa telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 4 Ogos lepas.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Pengerusi Jawatan Kuasa Ter tinggi Bulan Bahasa, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, telah menyampaikan uchapan pembukaan-nya yang rengkas dalam temasha itu:

TERIMA KASEH

Antara lain, beliau telah me-manjangkan uchapan terima kaseh kapada seluruh ahli2 jawatan-kuasa2 kerana tenaga yang di-tumpukan mereka dalam menjayakan temasha Bulan Bahasa. Haji Jamil menyanjung tinggi atas lelah payah dan semangat

gotong royong mereka dalam usaha2 bagi menambahkan meriah-nya temasha tersebut.

BEKERJASAMA

Haji Jamil telah juga menegas-kan bahawa memang sudah ba-rang tentu-lah ada terdapat ber-bagi2 kesilapan dalam menjaya-kan temasha itu. Berpuluhan2 orang telah terbabit dalam melaksana-kan berbagai2 tugas..

Sa-lanjut-nya beliau berharap supaya tiap2 orang hendak-lah berkerjasama dalam menjayakan chita2 Kerajaan untuk menjadi alat pertutoran sa-tiap hari.

Temasha itu telah di-serikan dengan persembahan2 nyanyian, lawak jenaka dan boria.

ROMBONGAN KEBUDAYAAN BRUNEI MELAWAT PERSEKUTUAN

BERAKAS. — Persatuan Seni Budaya Melayu, Brunei, telah menghantar satu rombongan Kebudayaan ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam satu pesta belia anjoran Persatuan2 Kelab Belia sa-Malaya. Rombongan tersebut telah ber-lepas dari Brunei dengan kapal terbang pada 6 Ogos lepas.

Pesta kebudayaan itu ada-lah salah satu acara sambutan ulang tahun Kemerdekaan Persekutuan, dan telah berlangsung dari 5 hingga 7 Ogos, bertempat di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

Sa-lepas mengambil bahagian dalam persembahan tarian2 ke-budayaan itu, rombongan kebu-dayaan Brunei di-jadualkan un-tuk melawat ka-beberapa buah negeri di-Persekutuan untuk me-nunjukkan persembahan tarian2

dan nyanyian2 kebudayaan.

Antara persembahan2 yang di-tunjukkan termasok-lah tarian2 Samalindang dan Adai-adai Nain-dong, dan nyanyian Dundang.

Pemergian rombongan itu ada-lah atas jemputan Persatuan Kelab2 Belia sa-Malaya, dengan bantuan persatuan 'itu sendiri, Yaysasan Asia dan Kerajaan Brunei.

Rombongan itu ada-lah terdiri

dari lima orang pemuda dan empat orang pemudi.

Mereka ia-lah Inche Mohammad Sum bin Hashim, sa-bagai ketua rombongan, Inche Ahmad Arshad, Che Sahara binte Ahmad, Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Abdul Razak, Inche Abdullah bin Abdul Rashid, Inche Mohaimin bin D. I. Haji Mokti, Awangku Asmilee bin Pengiran Ahmad, Che Habibah binte Mohammad Yussof dan Dayangku Mariah binte Pengiran Ahmad.

Mereka di-jangka balek dari Persekutuan dengan kapal ter-bang pada 18 Ogos akan datang.



Rombongan Kebudayaan Brunei bergambar ramai di-Lapangan Terbang Berakas sa-bulun berlepas ka-Malaya baharu2 ini.

Murid2 Kembali Belajar

KATIMAHAR. — Sekolah Melayu Katimahar, Batu-13 di-Jalan Tutong, telah di-buka sa-mula seperti biasa sa-lepas di-tutup sa-lama 10 hari, pada 9 Ogos lepas. Sekolah ini telah rontoh kerana kejadian satu ribut kenchang dua minggu yang lalu.

Guru Besar sekolah itu, Inche Abu Bakar bin Salleh, memberitahu Pelita Brunei, bahawa sekolahnya telah pun siap di-perbaiki dan boleh di-gunakan sa-mula. Murid2 telah pun mulai belajar seperti biasa.

Bangunan sementara sekolah ini ada-lah di-bena hasil dari ker-

Jawatan Kosong

Permohonan2 ada-lah di-jeung-pot daripada Pegawai2 Kerajaan bagi jawatan Pengguna Perkhidmatan Bomba di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji ialah dalam tingkatan C(b)2-3 \$570x30-\$840.

Chalun2 mestilah dari Ra'ayat Sultan dan mempunyai pengalaman praktikal tentang menggunakan dan menjaga perkakas2 moden yang di-pakai untuk melawan api dan mempunyai chukop pengalaman pentadbiran.

Permohonan2 hendak-lah di-alamatkan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei melalui Ketua2 Pejabat tidak lewat dari 15 September, 1962.

Maulud Di-SOAS

BANDAR BRUNEI. — Guru2 dan penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengadakan satu majlis bagi menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad.

Majlis itu akan di-adakan di-dewan maktab tersebut pada hari Ahad, 17 Ogos mulai jam 2.30 petang.

jaasma orang2 kampong itu, dan telah di-buka kira2 lebih tiga tahun dahulu.

Sa-masa kejadian di-sekolah kajang itu terjadi pada 29 Julai lepas, sa-ramai 15 orang murid2 sedang berada di-dalamnya. Sa-orang murid telah mendapat sa-dikit luka.

Sa-telah pengaduan tentang kerosakan sekolah tersebut kepada pehak yang berkenaan, Kerajaan dengan serta merta memerentahkan supaya sekolah itu di-perbaiki, dan murid2 di-benarkan berchuti, sa-mentara menunggu sekolah itu siap untuk di-gunakan seperti biasa.

TAYANGAN WAYANG GAMBAR

PILEHAN RAYA

Tayangan wayang gambar dengan perchuma yang berchurak filem pilehan raya akan di-adakan di-beberapa buah tempat di-darah2 Brunei, Tutong dan Temburong, oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan.

Pada 15 Ogos (malam ini) tayangan tersebut akan di-adakan di-Kampong Ujong Tanjong Bandar Brunei dan di-Sekolah Melayu Lamunin.

Pada 16 Ogos — di-Kampong Kumbang Pasang, Bandar Brunei dan di-Sekolah Melayu Kuala Tutong. Pada 19 Ogos — di-Sekolah Melayu Kiudang dan di-Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei.

Pada 19 Ogos — di-Sekolah Melayu Bukit Bendera, Tutong dan di-Kampong Pengiran Pemancha Lama, Bandar Brunei. Pada 21 Ogos — di-Sekolah Melayu Penanjong, Tutong, dan di-Kampong Luagdn Dudok.

Pada 22 Ogos — di-Sekolah Melayu Keriam dan di-Sekolah Melayu Senaut. .

Penduduk yang tinggal di-kawasan2 yang di-sebutkan di atas ada-lah di-persilakan datang ke-tempat2 tersebut untuk menyaksikan tayangan2 wayang gambar yang mengenai pilehan raya itu.

Tayangan di-mulakan pada jam 7.30 malam.

SAMBUTAN MAULUD NABI

Perarakkan Di-Adakan Di-K. Belait Dan Seria

Dari Muka 1

dengan tidak memilih apa bangsa dan ugama sa-kali pun."

Kemudian baginda beraleh dengan nasehat2 bahawa sa-tiap orang wajib-lah mengetahui ia-itu dengan pengakuan beriman dan kepaechayaan kapada Allah dan Rasul, kita harus menyertai-nya dengan perasaan ta'at dan tanggongjawab dalam menjunjong titah perantah Allah s.w.

"Dalam mengakui itu pula," tegas baginda, "kita harus-lah meninggalkan segala tegahan dan larangan-nya dengan keridhaan hati yang suchi."

Majlis sambutan maulud itu telah pun di-adakan dua malam

berturut2 mulai 12 Ogos malam.

Dalam sambutan malam yang pertama sharahan2 telah juga di-sampaikan oleh wakil2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan jawatan kuasa sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., dengan di-ikuti oleh aluan berzanji (nasar).

Sekjak 1 Ogos isti'adat berzikir telah juga di-langsungkan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada tiap2 malam sa-lepas sembahyang 'Isha hingga malam 11 Ogos yang lalu.

Penduduk2 di-Kuala Belait dan Seria telah juga mengadakan isti'adat sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. de-

ngan mengadakan perarakkan dan sharahan2 pujian atas Jun-jongan kita.

Temasha itu di-adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada malam 11 Ogos dan di-Padang Besar Kuala Belait, pada pagi 12 Ogos lepas.

Ada-lah di-beritakan bahawa sambutan yang di-adakan di-Kuala Belait telah mendapat sambutan yang meriah dan lebih ramai peserta2-nya dari tahun2 yang sudah.

Antara achara2 yang lain yang telah menyerikan majlis sambutan hari kelahiran Nabi itu ia-lah bacaan kitab suci Al-Qoran dan peraduan hadrah.

SIARAN RADIO BRUNEI

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 15 hingga 18 Ogos, ada-lah seperti berikut :—

RABU — 15 OGOS, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran di-ikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Berita
7.05 Pilehan Juruhebah
7.30 Rehat.

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Effendy
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — BBC London
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Rehat.

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran oleh Haji Khalidi
7.30 Jamaatul Anashid Party — Pimpinan Ustaz A. Kadir Sharshan Ugama
7.45 Sharshan Ugama
8.00 Lagu2 Mesir
8.15 Sejarah Islam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran oleh Ustaz Salleh
8.59 Siaran Melayu Tammat.

KHAMIS — 16 OGOS, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran di-ikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Berita
7.05 Pilehan Juruhebah
7.30 Rehat.
9.00 Selamat Sejahtera.
9.01 Bacha'an Al-Koran
9.15 Lagu2 Melayu Asli
9.30 Pelajaran Ugamma Di-Udara Kasidah/Nashid
9.45 Lagu2 Masir

10.00 Rengkasan Berita
10.15 Majallah Sain dan Perusahaan — BBC London
10.59 Rehat.

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu di-ikuti dengan Lagu2 Masir

1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.45 Hiboran Penutup

2.00 Rehat.
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Bahasa dan Kesusteran (S.U.)
7.30 Hiboran
7.45 Soalan Di-Udara — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
8.00 Hiboran
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
8.59 Siaran Melayu Tammat.

JUMA'AT — 17 OGOS, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-kofan di-ikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Berita
7.05 Pilehan Juruhebah
7.30 Rehat.

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu di-ikuti dengan Lagu2 Masir

1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.45 Hiboran Penutup

2.00 Rehat.

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Bahasa dan Kesusteran (S.U.)
7.30 Hiboran
7.45 Soalan Di-Udara — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
8.00 Hiboran
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
8.59 Siaran Melayu Tammat.

SABTU — 18 OGOS, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-kofan di-ikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Hiboran
7.00 Rengkasan Berita
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat.

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penya'er dan Hasil Kerianya (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Rampaihan
1.30 Rehat.

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Bahasa dan Kesusteran (S.U.)
7.30 Hiboran
7.45 Soalan Di-Udara — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
8.00 Hiboran
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
8.59 Siaran Melayu Tammat.

GAMBAR2 KENANGAN SAMBUTAN BULAN BAHASA DI-BRUNEI



Gambar kiri sa-kali: Pengurus, Jawatan Kuasa Tertinggi, Bulan Bahasa Negeri Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil (kanan) dan Pegawai Pelajaran Negara Inche Malcolm MacInnes (kiri) kelihatan mengetuai perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada 23 July, 1962. Gambar Tengah: Satu pemandangan para penonton di-majlis menyampaikan hadiah sijil kepada pemenang2 peraduan2 akhir Bulan Bahasa dan Ahli2 Jawatan Kuasa Bulan Bahasa di-dewan Maktab S.O.A.S. pada malam 4 Ogos. Gambar kanan sa-kali: Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah membuka dengan rasmi-nya rapat umom dan perarakan bagi menyambut Bulan Bahasa dalam bulan July yang lalu.



Gambar2 kiri dan kanan: Pemandangan2 di-temasha upacara pembukaan rasmi rapat umom dan perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada petang 23 July, 1962.



Gambar kiri: Pengurus, Jawatan Kuasa Rapat Umom dan Perarakan, Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei, Inche Shahbudin bin Mohamed Salah kelihatan dalam gambar ini sedang membacakan "Ikrar Bahasa" di-majlis pembukaan rapat umom dan perarakan Bulan Bahasa. Gambar kanan: Ahli2 Jawatan Kuasa Bulan Bahasa Daerah Belait, bergambar ramai baharu2 ini.



Empat pemandangan di-upacara menyampaikan hadiah kepada para peserta yang berjaya dalam peraduan2 akhir Bulan Bahasa dan juga kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Bulan Bahasa yang telah di-adakan di-Negeri Brunei.

LATEHAN PERKEMBANGAN PERTANIAN DI-KAMPONG2

KILANAS. — Latehan yang julong2 kali di-adakan bagi anak kampong dalam perkembangan pertanian di-kampong2 telah di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian di-negeri ini. Latehan tersebut sekarang sedang di-lancharkan dengan baik dan ada harapan akan membawa hasil yang berkesan.

Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara telah menyatakan bahawa latehan sa-demikian telah di-anjorkan untuk memberi peluang kepada anak2 kampong melihat sendiri dan sambil belajar akan usaha2 yang di-jalankan oleh pejabatnya dalam memberi chontoh2 yang sa-benar dalam usaha2 di-lapangan pertanian.

Inche Hamidoon memberitahu bahawa pengambilan penuntut2

untuk menjelani latehan tersebut di-lakukan tiap2 tiga bulan sa-kali dan dua orang pada tiap2 daerah.

PENUNTUT2 BERGIAT

Ada-lah menjadi dasar kerajaan, kata beliau, untuk menggalakkan orang ramai supaya berchuchok tanam dan menternak binatang2 menurut peraturan2 dan chara2 yang sa-benar dan semporna.



Penuntut2 yang mula2 sa-kali memerlukan latehan perkembangan pertanian di-kampong2 kelihatan dalam gambar ini sedang giat membuat pekerjaan masing2 disebelah kanan sa-kali ia-lah Inche Talib bin Miramit.

Pengarang "Salam" Ka-Manila

SERIA. — Pengarang surat khabar SALAM, ia-itu sa-buah akbar berbahasa Melayu Sharikat Minyak Shell Brunei telah berlepas ka-Manila pada 8 Ogos

lepas untuk mempelajari kursus perhubungan pekerja2 di-Sharikat Shell di-sana.

Beliau ia-lah Inche Abdul Aziz bin Malim. Sa-belum berkhidmat dengan Salam kira2 9 tahun dahulu, beliau pernah berkerja sa-bagai pemberita di-Malaya.

Inche Aziz di-jangka akan berada di-Manila sa-lama dua minggu dan sa-lepas itu akan bertolak ka-London untuk menyambongkan kursus tersebut di-Sharikat Minyak Shell Antara Bangsa, sa-lama sa-bulan, di-United Kingdom.

Beliau di-jangka kembali ka-Brunei dalam penghujung tahun ini sa-lepas mengambil chuti panjang-nya.

Inche Bakar bin Hassan telah di-lantek untuk memangku jawatan sa-bagai Pengarang Melayu surat khabar tersebut.

Hari Juma'at 17 Ogos — di-Mesjid Sungai Liang mulai pukol 2.00 hingga 4.00 petang, dan di-Sekolah Melayu Batu Apoi, Temburong mulai pukol 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Hari umat 24 Ogos — di-Kampong Ujong Tanjong, Bandar Brunei mulai pukol 2.30 hingga 4.30 petang, dan di-Kampong Beribi, Gadong mulai pukol 2.30 hingga 4.00 petang.

Hari Juma'at 31 Ogos — di-Kampong Kiudang mulai pukol 2.30 hingga 4.30 petang, dan di-Kampong Pekan Lama, Bandar Brunei mulai pukol 2.00 hingga 4.30 petang.

Orang ramai ada-lah di-persik lakan hadhir untuk mendengar sharahan2 Ugama di-tempat tersebut.

Jadual Penerbangan BRUNEI. — Sharikat Penerbangan Cathay Pacific telah mengeluarkan jadual penerbangan yang baharu bagi kapal2 yang terbang dari Brunei ka-Hong Kong pada tiap2 minggu mulai 13 Ogos yang lalu.

Menurut jadual itu masa kapal

latehan yang mengandungi kebanyakannya praktikal dan mengambil masa sa-launa tiga bulan itu, di-selanggarakan di-Pusat Perchobaan Pertanian, Kilanas, Jalan Tutong.

Lima orang penuntut2 yang mula2 sa-kali mengambil peluang yang berharga ini ia-lah Kapal bin Bundar dari Kampong Ukong (Tutong), Ampai anak Manoh dari Kampong Sibut (Temburong), Akut bin Kayah dari Kampong Bukit Sawat (Belait), Buli anak Kudi dari Kampong Buau (Ulu Belait) dan Junchi bin Bangkit dari Lumut (Sungai Liang).

Inche Talib bin Miramit, Pegawai Pelateh di-tempat itu berkata bahawa mereka kelihatan giat dalam menjalani latehan2 dan ada harapan mereka akan membawa hasil yang berkesan sa-telah tamat dalam latehan.

Penuntut2 itu akan balek kampong masing2 di-mana nanti mereka akan mengembangkan dan melebarkan oleh2 dan pengetahuan kapada jiran2 yang lain-nya.

Sa-lama menjalani latehan sa-lama tiga bulan itu mereka adalah di-beri gaji yang berpatutan oleh Kerajaan.

Pertunjokkan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokkan Pertanian kali yang ke-16 bagi Negeri Brunei akan di-adakan di-bangunan2 Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-Bandar Brunei pada 29 September berakan datang.

Barang2 yang akan dipamerkan di-jangka akan terdiri dari barang2 hasil pertanian, pertukangan tanan, barang2 perusahaan perniagaan dan binatang2 ternakan.

Untuk menjayakan pertunjokkan itu, Pegawai Pertanian Negara, Inche Hamidoon bin Awang Damit meninggatkan kapada sa-siapa juga yang ingin mengambil bahagian supaya menyediakan barang2 pertunjokkan mulai sekarang.

Barang2 untuk pertunjokkan2 hendak-lah sampai ditangan pegawai2 yang berkenaan di-tempat2 penerimaan2 sa-lewat2nya sa-hari sa-belum pertunjokkan di-adakan.

PASAR PERDAGANGAN DEWAN BELIA ANTARA BANGSA

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Pasar Perdagangan serta Pasar Gembira akan di-adakan di-sini sa-lama tiga malam berturut2 mulai dari malam 14 September hadapan di-bawah anjoran Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei. Kutipan2 yang di-peroleh di-tempat2 temasha itu akan di-hadiahkan kapada badan2 kebajikan di-negeri ini.

Berbagai2 jenis barang yang di-buat dalam negeri ini dan juga dari luar negeri akan di-tunjukkan di-tempat2 temasha tersebut.

Sa-lain dari itu akan di-adakan lain2 achara yang menarek hati, dan pada tiap2 malam tersebut hadiah2 yang berharga akan di-berikan kapada pemegang2 tiket masuk yang bernasib baik.

Sementara itu Setia Usaha Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei, Inche Zain Ariff telah melawat ka-Kuching baharu2 ini atas jemputan Dewan Belia Antara Bangsa di-sana untuk menghadiri temasha Pasar Perdagangan dewan tersebut.

Inche Zain juga telah mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Kanan Dewan itu di-Kuching dan di-Sibu, Sarawak berhubung dengan char-

dangan hendak mengadakan persidangan wakil2 Dewan2 P Antara Bangsa dari Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara sa-belum di-adakan Kongres Sar Dunia Dewan Belia Antara Bangsa kali yang ka-17 di-Hongkong dalam bulan November akan datang.

UCHAPAN2 MUHIBBAH

Dalam masa lawatan ka-Kuching, Inche Zain telah menyampaikan surat2 mengandungi uchap2 muhibbah daripada Yang Di-pertua Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei, Inche Zaini bin Haji Ahmad dan daripada Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa di-sana.

Inche Zaini dan Inche Awasty menyatakan dalam surat2 tersebut antara-nya sa-moga perpaduan2 yang baik di-antara ahli2 Dewan2 Belia Antara Bangsa di-Negeri2 Brunei dan Sarawak akan kekal abadi sa-lama2-nya. Begitu juga, ahli2 Dewan Belia Antara Bangsa di-Sarawak berharap perpaduan yang sarupa itu akan berkekalan sa-lama2-nya.

Brunei — Hong Kong

terbang berlepas ia-lah pada jam 8.30 pagi, ia-itu 30 minit terakhir dari masa biasa.

Penerbangan pada tiap2 hari Ithnin dengan singgah2 di-Jesselton dan Manila akan mengambil masa sa-lama enam jam dua puluh minit.

Pasokan Republik China Mengalahkan

BRUNEI SPORTS CLUB 7-0 : PASOKAN JEMPUTAN B.S.C. 7-2

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Republik China yang kini dalam perjalanan ke Indonesia untuk mengambil bahagian dalam temasha Sukan Asia di-Djakarta telah mengalahkan Brunei Sports Club dengan 7 gol tidak berbalas dalam satu perlawanan bola sepak yang hebat di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 11 Ogos yang lalu.

Kira-kira 5,000 orang telah menyaksikan perlawanan itu. Di-antara nya ia-lah Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Taramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Moha-



Pengiran Johari kelihatan dalam gambar ini sedang menangkap bola dalam perlawanan bola sepak di-antara Pasokan Republik China dengan Brunei Sports Club pada 11 Ogos. Gambar2 di-penjuru kanan ia-lah Ali Talib (kiri) dan Kasim Suhaimi (kanan) yang berjaya menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Pasokan Jemputan Brunei Sports Club dalam perlawanan dengan Pasokan Republik China pada 12 Ogos.

mad Yusuf.

Sa-belum perlawanan itu dimulai semua pemain dari kedua-dua pasukan telah di-perkenalkan kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha. Kemudian Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha di-jemput menendang bola sa-bagai isharat permulaan perlawanan tersebut pada pukul 4.45 petang.

Semenjak masa itu pemain2 dari kedua-dua pasukan telah bersaing dengan chukup cergas untuk menjaringkan gol yang pertama bagi pasukan masing2.

Pada minit yang ke-sembilan fowad kanan Pasokan Republik China, Lo Kwok Tai telah berhasil menjaringkan gol yang pertama itu bagi pasukan-nya sa-telah ia mendapat hantaran dari sayap kanan pasukan-nya Cheung Chi Wai.

Tujuh minit kemudian sayap kiri Pasokan Republik China, Mok Chun Wah menjaringkan gol yang ke-dua bagi pasukan-nya dan dua minit sa-belum berehat Pasokan Republik China itu telah mendapat gol-nya yang ketiga menerusi fowad tengah-nya Kwok Yau.

Sunggoh pun pemain2 Pasokan Brunei Sports Club telah dapat menembusi masok ka-dalam kubu pertahanan Pasokan Republik China beberapa kali akan tetapi mereka telah tidak dapat menjaringkan gol yang di-tunggu2 itu.

Pada masa berehat Pasokan Republik China mendapat tiga gol dan Pasokan Brunei Sports Club kosong.

Sa-telah perlawanan itu di-sambongkan sa-mula Wong Man

Wai kelihatan sa-bagai pemain sayap kanan Pasokan Republik China itu, menggantikan tempat Cheung Chi Wai.

Bagaimana pun tidak ada perubahan tempat pemain2 Pasokan Brunei Sports Club.

Enam minit sa-telah perlawanan itu di-jalankan fowad kanan P.R.C. telah menjaringkan gol yang ke-empat bagi pasukan-nya dan empat minit lagi fowad kiri P.R.C. Cheuk Yin ia-itu kaptan pasukan itu menambahkan satu gol lagi bagi pasukan-nya. Tidak berapa minit kemudian P.R.C. telah mendapatkan dua gol lagi menerusi sayap kanan-nya Wong Man Wai dan fowad tengah-nya Kwok Yau.

Apa-bila pengadil perlawanan itu Inche John Then menuip suling bagi menandakan tamat perlawanan Pasokan Republik China telah mengalahkan Brunei Sports Club dengan tujuh gol tidak berbalas.

Perlu di-beritakan bahawa penjaga gol Brunei Sports Club, Pengiran Johari telah menunjukkan tingkah laku permainan-nya dengan baik belaka dan berhasil menyelamatkan tidak kurang daripada sa-tengah dozen gol. Disamping itu, pemain2 pasukan tempatan yang lain juga telah bermain dengan bersunggoh2 sapanjang masa.

Pemain2 Brunei Sports Club: Pengiran Johari, Johnny Marcus, Razak Abdulah, Razak Bungsu, Samri Ajamain, Duraman Sanip, Dollah Ja'sar, Pengiran Mahari, Awangku Radin, Tuah Kadir dan Zainal Abidin.

Pemain2 Pasokan Bola Sepak

Republik China: Kwok Chow Ming, Law Pak, Kwok Kam Hung, Chan Fai Hang, Lau Tin, Lo Shun Kung, Chueng Chi Wai (Wong Man Wai), Lo Kwok Tai, Kwok Yau, Yiu Cheuk Yin dan Mok Chun Wah.

Sementara itu dalam satu lagi perlawanan bola sepak yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada petang hari Ahad yang lalu, Pasokan Bola Sepak Republik China telah mengalahkan Pasokan Jemputan Brunei Sports Club dengan tujuh gol berbalas dua.

Yiu Cheuk Yin telah menjaringkan 2 gol bagi pasokan Republik China, manakala Lo Shun Kung, Cheung Chi Wai, Lo Kwok Tai, Kwok Kam Hung dan Mok Chun Wah telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pasokan itu.

Ali Talib dan Kasim Suhaimi, kedua-duanya dari Daerah Belait, telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Pasokan Jemputan Brunei Sports Club.

Inspektor Mustapha telah mengadilkan perlawanan tersebut.

40 Sekolah Sambut H.I.B.

Sekolah Melayu Kinoa, ia-itu sa-buah sekolah bagi puak Iban, yang baharu saja di-buka dalam tahun ini ada-lah antara dari 40 buah sekolah Melayu di-negeri ini yang telah mengadakan temasha hari ibu bapa dengan sa-rempak pada 5 Ogos lepas.

Sekolah Kinoa telah mengadakan temasha itu buat kali yang pertama.

Temasha hari ibu bapa itu telah di-serikan dengan mengadakan sukan yang merupakan sa-bagian dari kerja2 biasa; hanya di-adakan sa-rempak dan be-rasringan tempatnya.

Sa-lain dari itu, dua achara baharu telah di-pertunjukkan di-dalam temasha tersebut, ia-itu se-naman dan tarian di-Padang be-ramai2.

Sementara itu Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria, telah menunjukkan satu tarian yang terdiri dari 200 orang murid dan bagitu juga sekolah2 di-Bandar Brunei dengan tarian zipin ber-ramai2 telah di-tunjukkan di-pa-dang.

Temasha hari ibu bapa di-sekolah2 itu telah di-kunjungi oleh pegawai2 dari Jabatan Pelajaran, Brunei.

SUKAN SEKOLAH2 MELAYU



Satu pemandangan temasha sukan Sekolah2 Melayu yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sengkurong pada 11 Ogos yang lalu.

SENGKURONG. — Enam buah sekolah2 Melayu di-Jalan Tutong telah mengadakan satu perjumpaan sukan bertempat di-padang Sekolah Melayu Sengkurong pada 11 Ogos lepas.

Sekolah2 yang mengambil bahagian dalam temasha itu ia-lah Sekolah Melayu Bendahara Sakam (Bunut), Sekolah Melayu Bengkurong, Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti (Kilanas), Sekolah Melayu Sengkurong, Sekolah Melayu Jerudong dan Sekolah Melayu Katimahar.

Temasha tersebut telah di-adakan untuk memileh juara kejohanan bagi sekolah2 itu untuk berlawan dalam temasha sukan terakhir bagi sekolah2 di-Daerah Brunei, yang akan berlangsung

di-Bandar Brunei pada 29 Septem-ber akan datang.

Sandiwara Maktab Anthony Abell

SERIA. — Maktab Anthony Abell, Seria akan mengadakan temasha sandiwara rampaian sa-lama dua malam berturut2, ia-itu pada malam 17 dan 18 Ogos 1962 bertempat di-dewan Maktab itu mulai pada pukul tujuh tiap2 malam.

Pertunjukan sandiwara itu ada-lah terbuka kapada kanak2 sekolah dalam Daerah Belait sa-haja pada malam yang pertama dan kapada orang2 ramai pada malam yang ke-dua.

PEMENANG2 PERADUAN MENGARANG SAMBUTAN BULAN BAHASA

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan mengarang bagi menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah selesai di-adakan baharu2 ini ada-lah saperti di-bawah ini :

Bahagian Murid2 Melayu di-Sekolah2 Lelaki — 1. Inche Omar bin Haji Serudin. 2. Inche Sabli bin Yassin dan 3. Inche Nordin bin Wahab. Kesemua-nya ia-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Bahagian Murid2 Melayu di-segala Sekolah Perempuan — 1. Che' Rafiah binti Husain. 2. Che' Nasidah binti Haji Tengah dan Che' Mulia binti A. Rahman. Kesemua-nya dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Bahagian orang2 dewasa Melayu (lelaki) — 1. Inche Arbi bin Haji Mahmud dari Bahagian Pentadbiran, Chawangan Perbedaharaan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. 2. Inche Abdul Rahim bin Mohamed Walli dari Pejabat Hal Ehwaj Ugama, Brunei dan 3. Inche Jaya bin Abdul Latif dari Pejabat Kehakiman, Brunei.

Bahagian orang2 dewasa Me-

PARAJURIT2 BERCHUTI

BERAKAS — Lima orang Pegawai Muda Askar Melayu Brunei telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu pada awal bulan ini untuk berchuti.

Mereka ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apong, Sulaiman bin Awang Damit, Mohamed bin Haji Mohamed Daud, Mohamed Ariffin bin Abdul Wahab dan Mohamed Yusuf bin Mohamed Said.

Parajurit2 tersebut akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu sa-telah berada di-Brunei sa-lama tiga minggu untuk meneruskan latehan mereka.

Sementara itu 30 orang Askar Melayu Brunei dari rombongan yang ke-empat telah balek ka-Brunei pada 7 Ogos yang lalu untuk berchuti.

Ramai keluarga dan sahabat handai parajurit2 itu telah mengucapkan selamat kembali ka-Tanah Ayer ketika mereka mendarat di-Tambatan Kasam Diraja di-sini.

MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Inche W. J. Emmett, sa-orang pensyarah di-University Edinburgh, Scotland telah melawat ka-Brunei baharu2 ini bersama2 dengan isterinya dalam bidang lawatannya ka-negara2 di-Timor Jauh.

Inche Emmett telah meninggalkan Bahagian Ke-empat Negeri Sarawak lebuh daripada 40 tahun dahulu.

Sa-masa di-Sarawak, beliau telah berkhidmat sa-bagai Pengurus, Kilang Penapis Minyak Shell di-Lutong.

layu (perempuan) Pertama — Puan Rohani binti Haji Razalli, 532B, Jalan Simpang Brunei dan kedua — Puan Hani Abdullah, d/a "F" 21B, Jalan Bendahara, Brunei.

Bahagian murid2 yang bukan Melayu di-Sekolah2 Lelaki — 1. Inche Lim Eng Loke dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei. 2. Inche Liew Yee dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria dan 3. Inche Kong Jock Lian dari Maktab Anthony Bell, Seria.

Bahagian murid2 yang bukan Melayu di-segala Sekolah Perempuan — 1. Che Gloria Kiai dari Sekolah Misi Saint Margaret, Seria. 2. Che Lucy Lee dari Sekolah Misi Saint Margaret, Seria dan 3. Che Doris Margie dari Inggeris, China dan Tamil.

Pelawat2 Dari Singapura



Sarasmal 15 orang penuntut2 dari Singapura yang telah mewenangi peraduan kerangka berkenaan dengan Persekutuan Melayu Raya telah tiba di-Brunei pada petang hari Ahad yang lalu dalam bidang lawatan mereka ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara sa-lama sa-minggu. Lawatan penuntut2 tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Kementerian Kebudayaan Singapura. Gambar ini telah diambil di-Lapangan Terbang Berakes sa-bulun para pelawat itu berangkat ka-tempat penginapan mereka di-Brunei Hotel, Bandar Brunei.

WAKIL2 BRUNEI SAMBUT TENGKU

BERAKAS. — Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Temanggong Lim Cheng Choo telah kembali ka-Brunei sa-telah berada di-Singapura sa-lama beberapa hari, minggu lepas.

Beliau2 itu telah berangkat dari sini dengan kapal terbang untuk mengalu2kan perkembalian

Sekolah Misi Saint Margaret, Seria.

Bahagian orang2 dewasa yang bukan Melayu (lelaki) — 1. Inche Lim Kah Teong dari Radio Brunei. 2. Inche Chia Tian Cheng dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan 3. Inche Wong Ah Fatt dari Pejabat Kehakiman, Brunei.

Bahagian orang2 dewasa yang bukan Melayu (perempuan) dimenangi oleh Puan Rosalind Chin dari Pejabat Perubatan, Kuala Belait.

Konsol Belanda
Melawat Brunei

BERAKAS — Konsol Agong Belanda di-Singapura, Inche J.G. Kist dan isteri-nya telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama empat hari baharu2 ini dalam lawatan-nya saperti biasa ka-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Dalam masa lawatan ka-negeri ini, Inche Kist telah melawat ka-beberapa tempat di-antara-nya ia-lah ka-kawasan Padang Minyak di-Seria.

PERADUAN MENGARANG LAGU

SINGAPURA. — Kementerian Kebudayaan Singapura ada-lah menawarkan empat hadiah untuk mengarang lagu Melayu Raya berjumlah \$4,000 kapada penduduk2 di-Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Tiap2 lagu yang terbaik sa-kali dalam bahasa Melayu akan di-berikan hadiah \$1,000. Begitu juga \$1,000 akan di-berikan kepada penchipta tiap2 lagu yang terbaik sa-kali dalam bahasa2 Inggeris, China dan Tamil.

Lagu itu mestilah mempunyai irama musik sa-kurang2nya 30 bar dalam sa-barang tempo, disertai oleh nada yang sesuai, ma ada dalam bahasa Melayu China atau pun Inggeris.

Berkenaan dengan lagu Tamil pula, nada-nya hendak-lah sapanjang 2 atau 3 minit.

Lagu2 tersebut mestilah mempunyai unsur yang menyatakan ikatan keluarga yang erat diantara ra'ayat2 dari wilayah2 Melayu Raya, serta kegembiraan yang di-rasai oleh ra'ayat2 Melayu Raya dalam ikatan kebesaran dan perpaduan yang ba-haru serta juga semangat membina satu bangsa yang ba-haru bagi Melayu Raya, persamaan bagi 10 juta warga negara Melayu Raya dan kegembiraan, kebahagiaan dan kemakmoran ka-rana Melayu Raya.

Lagu2 itu hendak-lah di-alamatkan kapada Setia Usa Pertandingan Menchipta Lagu Saluroh Melayu Raya, d/a Setia Usaha Tetap Kementerian Kebudayaan Singapura tidak lewat daripada 29 Ogos, 1962.

Perdana Menteri Persekutuan

Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman dari London pada 9 Ogos lepas.

Tengku Abdul Rahman telah mengadakan perundingan2 dengan Perdana Menteri British, Inche Harold Macmillan, berkenaan dengan pembentukan Persekutuan Melayu Raya.

Tuan Haji Jamil dan Pehin

Dato Temanggong telah mewakili ahli2 Jawatan Kuasa Setiau-kawan Melayu Raya, bahagian Negeri Brunei.

BALEK KA-ENGLAND

BERAKAS — Jurutera Ayer Negara, Brunei, Inche M.J. Caldwell, telah meninggalkan Brunei menuju ka-Singapura dengan kapal terbang pada awal bulan ini dalam perjalanan-nya ka-England.

Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei semenjak beberapa tahun yang lalu dan telah pun balek ka-Tanah Ayer-nya sa-telah tamat perkhidmatan-nya itu.

PERADUAN "MISTER" BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 untuk memilih "Mister", "Miss" dan "Junior Mister" Brunei akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pertengahan bulan September hadapan.

Peraduan2 itu di-adakan sa-bagai salah satu achara sambutan

Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Orang2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut di-minta berhubung dengan Jawatan Kuasa peraduan2 itu di atas alamat Borneo Company, Bandar Brunei tidak lewat dari 7 September.